



PLANMalaysia@Melaka

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN WEB/LAMAN SOSIAL
PLANMALAYSIA@MELAKA

Unit Maklumat Gunatanah Negeri (UMGN)
PLANMalaysia@Melaka
jpbdmelaka@melaka.gov.my

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN
WEB/LAMAN SOSIAL **PLANMALAYSIA@MELAKA**

**PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN WEB/LAMAN SOSIAL RASMI
PLANMALAYSIA@MELAKA**

PENGENALAN

SOP ini terpakai bagi pengurusan semua kandungan laman rasmi (*website*) dan kandungan laman sosial rasmi PLANMalaysia@Melaka termasuk hebahan, berita dan peristiwa yang diwar-warkan melalui laman rasmi dan laman sosial rasmi PLANMalaysia@Melaka samada oleh pengurus laman rasmi mahupun pemohon oleh AJK Laman Web Jabatan.

SKOP DAN TUJUAN

Skop SOP ini adalah keseluruhan kandungan laman rasmi (*website*) PLANMalaysia@Melaka. SOP ini bertujuan bagi menguruskan semua kandungan laman rasmi (*website*) dan kandungan laman sosial rasmi PLANMalaysia@Melaka termasuk hebahan, berita dan peristiwa yang dimuatnaik ke laman rasmi (*website*) dan laman sosial rasmi PLANMalaysia@Melaka adalah bersifat global berdasarkan kriteria berikut :

1. Kandungan, hebahan, berita dan peristiwa mesti disediakan sekurang-kurangnya dalam dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)
2. Kandungan, hebahan, berita dan peristiwa adalah tertakluk kepada SOP pengurusan hebahan, berita dan iklan yang dikeluarkan oleh MAMPU seperti lampiran 1.
3. Kandungan, hebahan, berita dan peristiwa perlu megikuti SOP kemasukan maklumat hebahan yang digunapakai.

KEPERLUAN

1. Keperluan utama di dalam SOP ini adalah bahan/kandungan yang disediakan oleh pemohon dalam dwibahasa.
2. Format fail dihantar adalah dalam format .pdf.
3. Permohonan perlu dihantar melalui emel rasmi PLANMalaysia@Melaka ke alamat jpbdmelaka@melaka.gov.my.

OUTPUT

Hasil akhir adalah artikel dalam dwibahasa bagi semua kandungan, hebahan, berita dan peristiwa melalui laman rasmi (*website*) PLANMalaysia@Melaka dan laman sosial rasmi PLANMalaysia@Melaka sekaligus membantu kenaikan jumlah bahan (*rich file text*) untuk penilaian MAMPU.

AKTA DAN UNDANG-UNDANG

Pekeliling terpakai bagi pelaksanaan laman web agensi kerajaan.

Pengurusan kandungan laman rasmi (*website*) dan kandungan laman sosial rasmi PLANMalaysia@Melaka bagi sektor awam adalah tertakluk di bawah **perundangan** seperti berikut :

1. Digital Signature Act 1997

- *The Act mainly provides for the licensing and regulation of Certification Authorities (CA).*

2. Computer Crime Act 1997

- *This Act serves to ensure that misuse of computers is an offense.*

3. The Copyright (Amendment) Act 1997

- *The Copyright (Amendment) Act amends the Copyright Act 1987 to extend copyright law to the new and converged multimedia environment.*

4. The Communications and Multimedia Act 1998

- *The CMA provides for a restructuring of the converged ICT industry. It creates a new system of licenses and defines the roles and responsibilities of those providing communication and multimedia services.*

Peruntukan Undang-Undang Di Bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998

Sek 211	Larangan terhadap pemberian kandungan “yang sumbang, lucu, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang.”
Sek 233	Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain lagi.

Undang-Undang Berkaitan Kesalahan Media Siber

JENIS KESALAHAN	UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI	PIHAK BERKUASA
Hasutan	Akta Hasutan 1948	PDRM
Mengugat Keselamatan	Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri	PDRM
Penipuan	Akta Jualan Langsung 1993 Akta Syarikat 1965 Akta Perbankan dan Institusi Kewangan Malaysia 1989 Akta Undang-Undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007	KPDNKK SSM BNM SC
Hakcipta	Akta Hakcipta 1987	KPDNKK
Fitnah	Kanun Keseksaan Akta Komunikasi & Multimedia	PDRM SKMM
Lucah, Sumbang	Akta Komunikasi & Multimedia 1998	SKMM

Sebarang perkara melibatkan penerbitan dan penyiaran bahan secara atas talian adalah tertakluk kepada perkara di atas.

LAMAN RASMI (WEBSITE) DAN LAMAN SOSIAL RASMI PLANMALAYSIA@MELAKA

PERKARA	ALAMAT URL	STATUS
Laman Web Rasmi PLANMalaysia@Melaka	http://www.jpbdmelaka.gov.my	Aktif
Facebook PLANMalaysia@Melaka	https://www.facebook.com/jpbdmelakaofficial/	Aktif
Twitter PLANMalaysia@Melaka	https://twitter.com/JPBDMOfficial	Aktif
Youtube PLANMalaysia@Melaka	https://www.youtube.com/channel/jpbdmelaka	Aktif

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN
WEB/LAMAN SOSIAL **PLANMALAYSIA@MELAKA**

**SOP Pengurusan kandungan laman rasmi dan laman sosial rasmi
PLANMalaysia@Melaka bagi hebahan, berita dan peristiwa :**

1. Paparan Maklumat

- a. Setiap hebahan/berita yang dipaparkan di dalam laman sosial rasmi PLANMalaysia@Melaka (Facebook, Twitter dan Instagram) adalah bersumberkan maklumat yang dikeluarkan dari Portal Rasmi PLANMalaysia@Melaka, serta hebahan melalui webmail.
- b. Kandungan yang dipaparkan perlu disediakan sekurang-kurangnya dalam dwibahasa oleh penyedia kandungan (pengurus laman rasmi/AJK Laman Web Jabatan).
- c. Sumber hebahan berkenaan maklumat-maklumat khusus (contoh: Takwim, Perkhidmatan, penerbitan, objektif kualiti, pencapaian piagam pelanggan) adalah daripada unit-unit yang berkaitan serta dari Jawatankuasa terlibat.

2. Komen/Tag/Share/Retweet

- a. Artikel ke laman sosial akan dikendalikan oleh Pentadbir laman mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Kandungan Laman Web/Laman rasmi PLANMalaysia@Melaka.

Contoh :

- i. Buka pada artikel di dalam hebahan atau berita.

Pengumuman

Senarai Penuh | Terkini | Arkib



13 Julai 2018

Tahniah PLANMalaysia@Melaka kerana telah berjaya menerima Anugerah Geospasial Kebangsaan Kategori MyGDI di Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan

Aktiviti

Senarai Penuh | Terkini | Arkib

**BENGKEL VERIFIKASI DATA BIL. 2/ MESYUARAT PAGI
PENGURUSAN JABATAN BIL 28/2018**

17 Oktober 2018

BENGKEL VERIFIKASI DATA BIL. 2/ MESYUARAT PAGI
PENGURUSAN JABATAN BIL 28/2018

**MESYUARAT PAGI PENGURUSAN JABATAN BIL
21/2018**

08 Ogos 2018

MESYUARAT PAGI PENGURUSAN JABATAN BIL 21/2018

Latihan Quantum Gis (Q-Gis)



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN WEB/LAMAN SOSIAL PLANMALAYSIA@MELAKA

- ii. Salin maklumat di ruangan ini dan tampal di ruangan status laman sosial rasmi



PLANMalaysia Melaka
@PLANMalaysiaMelaka

Home
Posts
Reviews
Videos
Photos
Groups
Events
About
Community
Offers
Jobs
Info and Ads
Promote
Manage Promotions

Liked Following Share ...

questions about your business to get started

Posts

PLANMalaysia Melaka
Published by Siti Hajar Othman [?] · October 26 at 9:22 AM · 🌐

EXPLOTRACE sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka dan Hari Perancang Bandar Sedunia 2018 akan dijalankan pada 25 November 2018 (Ahad) jam 6.30 pagi. Terdapat 20 hadiah menarik bakal menanti anda dengan tempat pertama akan membawa pulang wang tunai berjumlah RM3000. Semua adalah dipelawa untuk menyertai. Tempat adaiah terhad kepada 300 penyertaan sahaja.

Setiap penyertaan adalah berkumpulan yang terdiri dari 2 orang. Yuran penyertaan RM150 dikenakan bagi setiap kumpulan. P...
See More

FESTIVAL ANTARABANGSA 2018
SUNGAI MELAKA **EXPLORE RACE 2018** **HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA**

- iii. Tekan butang share pada laman sosial



- iv. Artikel akan dipaparkan untuk makluman kepada pengguna

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN WEB/LAMAN SOSIAL PLANMALAYSIA@MELAKA

3. Keperluan ranking (webometrik dsb)


- a Paparan video melalui akaun YouTube/Facebook/Twitter/Instagram perlu mengandungi *backlink* ke laman rasmi jabatan. *Backlink* boleh dinyatakan sama ada pada ruangan deskripsi (*description*) atau di bahagian lain yang bersesuaian.

Contoh :



**SOP Pengurusan Hebahan, Berita dan Peristiwa melalui Laman Rasmi (Website)
/Laman Sosial Rasmi PLANMalaysia@Melaka**

SOP (Carta alir)



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN KANDUNGAN LAMAN
WEB/LAMAN SOSIAL **PLANMALAYSIA@MELAKA**

Proses Kerja

NO.	PROSES KERJA	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPOH
1	Terima permohonan daripada AJK Laman Web Jabatan	Penyelaras	Ambil maklum	2 hari
2	Semak permohonan	Penyelaras	Menyemak permohonan untuk paparan melalui laman rasmi dan laman social rasmi PLANMalaysia@Melaka	2 hari
3	Maklumat lengkap diperlukan	Penyelaras	Jika maklumat tidak lengkap, Penyelaras perlu berhubung dengan pemohon untuk mendapatkan maklumat lengkap	3 hari
4	Mohon butiran lengkap dari pemohon. Salurkan permohonan kepada AJK Laman Web Jabatan/Pihak berkenaan/pegawai untuk penyediaan bahan/artikel	Penyelaras – AJK Laman Web Jabatan / pihak berkenaan/ pegawai	Salurkan aduan tersebut kepada AJK Laman Web Jabatan/ pihak berkenaan/pegawai yang berkaitan untuk penyediaan bahan/artikel	3 hari
5	Terima permohonan / semakan daripada AJK Laman Web Jabatan/ pihak berkenaan	Penyelaras – AJK Laman Web jabatan/ Pihak berkenaan/ pegawai	Terima permohonan / semakan daripada AJK Laman Web Jabatan/ pihak berkenaan	3 hari
6	Masukkan bahan/ artikel berkenaan ke laman web/ laman sosial 1. Facebook 2. Twitter 3. Youtube 4. Instagram	Penyelaras	Masukkan bahan/ artikel berkenaan ke laman web / laman sosial 1. Facebook 2. Twitter 3. Youtube 4. Instagram	3 hari